



Bank Pilihan Anda

KEMPEN SUARA HATI (KATEGORI REBAT FESYEN, PAKAIAN & AKSESORI)

TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT PENYERTAAN

1. Rebat fesyen, pakaian dan aksesori ini adalah tawaran istimewa sempena Kempen Suara Hati yang terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat (utama dan tambahan) termasuk semua warga kerja (selepas ini dirujuk sebagai Peserta) kecuali pemegang Kad Kredit-i Korporat.
2. Akaun Kad Kredit-i Bank Rakyat Peserta mestilah berstatus aktif.
3. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, Peserta bersetuju bahawa:
 - a. Kelayakan untuk menyertai kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kad Kredit-i Bank Rakyat, Terma dan Syarat yang terkandung di sini serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.
 - b. Peserta telah membaca, memahami dan dengan ini secara nyata bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Tempoh kempen: **19 Februari hingga 20 Mac 2026** atau **sehingga had RM150,000** habis digunakan (mengikut mana-mana yang terdahulu).
2. Sebarang transaksi atau pembelian yang dilakukan oleh Peserta selepas tempoh kempen tidak akan dikira sebagai penyertaan.
3. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh kempen sekiranya perlu.

C. MEKANISME KEMPEN

1. Kempen ini menawarkan rebat sebanyak 5% bagi setiap transaksi pembelian barangan runcit dan sebarang pembelian barangan (patuh Syariah) lain yang dilakukan di mana-mana kedai runcit, fesyen, pakaian, dan aksesori seluruh negara.
2. Transaksi pembelian yang layak daripada kategori kod merchant (MCC) seperti berikut:

A) General Retail

- **5311** – Department Stores
- **5399** – Miscellaneous General Merchandise
- **5300** – Wholesale Clubs

B) Fashion, Apparel & Accessories

- **5611** – Men's & Boys' Clothing
- **5621** – Women's Ready-to-Wear

- **5631** – *Women's Accessories*
 - **5641** – *Children's & Infants' Wear*
 - **5651** – *Family Clothing Stores*
 - **5661** – *Shoe Stores*
 - **5681** – *Furriers & Apparel*
 - **5691 / 5699** – *Clothing & Accessories (Misc.)*
3. Transaksi minimum adalah RM150 dalam satu resit untuk melayakkan pelanggan mendapat rebat.
 4. Rebate sebanyak 5% akan dikreditkan dan dipaparkan pada penyata bulanan peserta termasuk pulangan tunai yang diperolehi menerusi penggunaan kad yang dilakukan oleh pemegang kad selepas kempen tamat.
 5. Had rebat RM50 bagi setiap pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat sepanjang tempoh kempen berlangsung.
 6. Tiada had ditetapkan untuk bilangan transaksi yang boleh dilakukan sepanjang tempoh kempen berlangsung.
 7. Keterangan bagi jumlah pulangan tunai yang diperolehi menerusi transaksi yang dilakukan oleh peserta pada bulan semasa akan dipaparkan dalam penyata Kad Kredit-i bulan berikutnya.

D. PULANGAN TUNAI ATAU HADIAH KEMPEN

1. Bank Rakyat boleh menukar atau menggantikan pulangan tunai sedia ada dengan tawaran lain yang setimpal (sekiranya perlu) berdasarkan keperluan.
2. Pulangan tunai ditawarkan tidak boleh dipindahkan kepada akaun pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan.

G. TERMA DAN SYARAT AM

1. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilihat di www.bankrakyat.com.my.
2. Dengan menyertai kempen ini, Peserta telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk Keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad.
3. Dengan menyertai kempen ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan Bank Rakyat, anak syarikat, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi

pengiklanan menggunakan nama pemegang kad dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media untuk keluaran segera atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

4. Melainkan diperuntuk secara khusus atau sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank Rakyat atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan. Pemegang kad bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
5. Bank Rakyat boleh mencetak atau menyiarkan nama dan gambar pemegang kad untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
6. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan, manipulasi dan tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
7. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMEGANG KAD ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PEMEGANG KAD TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
8. Bank Rakyat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
9. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
10. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454; atau hubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my.